

Malaysia ketuai kajian ubat denggi

Berita Harian 6/6/2022 Page 16

Kerjasama
dengan negara
membangun
bagi merawat
pesakit berdepan
komplikasi teruk

gunakan untuk merawat denggi. Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ujian klinikal itu juga akan dijalankan di negara ini di bawah Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM).

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah selesai mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dan ujian itu dijangka dimulakan beberapa bulan lagi.

“Malaysia akan mengetuai, bersama Brazil, India dan juga beberapa negara membangun lain dan kita bagi tempoh antara enam hingga satu tahun bagi membolehkan ujian klinikal ini dijalankan.

“Kita bersama Drug For Neglected Diseases Initiative (DN-DI) sedang bekerjasama dengan beberapa negara lain untuk lihat



Khairy (dua dari kiri) dan Sulaiman (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Agenda Nasional Malaysia Sihat dan Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 ‘Perangi Aedes’ Peringkat Kebangsaan, di Bandar Hilir, semalam.

(Foto Nurulawati Sabri /BH)

kepada beberapa ubat-ubatan yang sebelum ini digunakan untuk penyakit lain sama ada boleh digunakan untuk merawat denggi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Agenda Nasional Malaysia Sihat (AMNS) dan Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 ‘Perangi Aedes’ Peringkat Kebangsaan, di

Bandar Hilir, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali. Yang turut hadir, EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh serta Pengarah Kesihatan Melaka, Dr Rusdi Abd Rahman.

Khairy berkata, sekiranya ujian klinikal itu berjaya dan boleh digunakan untuk merawat denggi, pesakit tidak lagi berdepan

dengan komplikasi yang teruk.

“Ubat-ubatan ini sekarang digunakan untuk penyakit lain, jika ia berkesan kita akan bawa supaya boleh didaftarkan sebagai ubat-ubatan yang boleh digunakan untuk denggi.

“Sekiranya boleh digunakan dan didapati selamat serta berkesan maka kita akan gunakan di hospital dan klinik di negara ini,” katanya.